

20 JUN 2003

Umno (Rangkuman)

PERHIMPUNAN UMNO TUMPU USAHA MEMPERKASAKAN PERJUANGAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Persidangan hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini hari ini menyaksikan penjurusan fokus para perwakilan ke arah terus memperkasakan perjuangan agar Umno terus kekal relevan sebagai satu-satunya payung yang mampu menaungi umat Melayu di negara ini.

Turut menjadi tumpuan ialah luahan keyakinan terhadap pucuk kepimpinan parti, khususnya Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang bakal mengisi jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno selepas dikosongkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober depan.

Ketika menyambung perbahasan usul terima kasih ke atas ucapan dasar Presiden, Pengerusi Perhubungan Umno Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata, usaha menarik golongan muda serta kalangan mewah dan daripada golongan menengah menyertai parti itu haruslah dilaksanakan dengan serius bagi memastikan perjuangan parti untuk orang Melayu terus hidup.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor berkata, golongan itu perlu didampingi dan diajak bersama dalam perjuangan membina bangsa.

Menurutnya, Umno kini sedang berdepan dengan satu generasi pemuda Melayu dan golongan mewah yang tidak lagi mendukung atau mepedulikan perjuangan bangsanya.

Sambil menyatakan sokongan padu kepada Abdullah, beliau berkata, Umno dan Barisan Nasional (BN) perlu lebih berjaya dalam pilihan raya umum akan datang untuk memberikan kepimpinan baru mandat yang kukuh bagi melaksanakan tugasnya dengan cemerlang.

Pengerusi Perhubungan Wilayah Persekutuan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yakin di bawah kepimpinan Abdullah melalui wawasan yang telah dipelopori oleh pemimpin terdahulu, terutama Dr Mahathir, parti dan negara akan turut mencapai tahap pembangunan yang lebih besar.

Pengerusi Perhubungan merangkap Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, kepimpinan Dr Mahathir menerajui Umno sejak 22 tahun lepas telah membawa banyak kejayaan kepada negara dan tidak perlu dipertikaikan lagi.

Sambil menyatakan sokongan padu kepada Abdullah, beliau yakin "ketenangan, ketegasan dalam kelembutan yang dimiliki Abdullah" akan mampu untuk meneruskan kepimpinan negara.

Pengerusi Perhubungan merangkap Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali turut meluahkan sokongan penuh kepada Abdullah yang akan menggantikan Dr Mahathir.

Wakil Kelab Umno Luar Negara, Jumiyati Ismail yang juga pembahas terakhir usul berkenaan berkata, pertambahan kelab-kelab Umno di luar negara kepada 44 buah meliputi enam benua membuktikan sokongan terhadap perjuangan Umno kini semakin difahami dan diterima oleh generasi muda sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Jumiyati juga berkata, Kelab Umno Luar Negara akan terus setia kepada Umno selepas peralihan kuasa dengan memberi sokongan padu kepada Abdullah.

Sebelum persidangan hari pertama ditangguhkan petang semalam, lapan wakil negeri yang terdiri daripada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan telah memberi fokus kepada isu dan matlamat yang sama ketika membahaskan usul itu.

Persidangan hari ini turut memberi fokus kepada perkembangan ekonomi negara, dengan pelbagai saranan diketengahkan oleh para perwakilan semasa membahaskan Usul Ekonomi.

Wakil Kelantan Datuk Awang Adek Hussin mencadangkan supaya sebuah institusi khas ditubuhkan bagi menarik pelabur-pelabur Islam antarabangsa secara besar-besaran ke negara ini, selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia pusat kewangan Islam yang terkemuka di dunia.

Wakil Badan Pergerakan Pemuda Umno, Zambery Abdul Kader mencadangkan penubuhan sebuah Institut Pendidikan Ekonomi Alternatif yang dikendalikan oleh sarjana-sarjana ekonomi dalam dan luar negara untuk merumus formula ekonomi yang terbaik bagi sesuatu keadaan pelaburan dunia serta negara.

Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan memberi fokus khas kepada pendidikan dan peningkatan penyertaan orang Melayu di dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Wakil Kedah Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail berkata, satu strategi baru perlu dirangka bagi mewujudkan masyarakat Bumiputera yang mampu berdiri atas kaki sendiri, manakala kerajaan perlu mengambil langkah-langkah lebih berkesan untuk memastikan anak Melayu tidak ketinggalan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Sementara itu, wakil Perlis, Sabri Ahmad berkata, usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu luar bandar di negara ini terbukti berhasil dan berkesan.

Beliau berkata kadar kemiskinan yang dicatatkan pada 1970 adalah 69 peratus dan mengikut laporan terkini, kadar itu berjaya diturunkan kepada 12 peratus.

Katanya semua itu dicapai hasil perjuangan Umno yang tidak pernah lupa membela nasib kaum Melayu.

Seramai 10 orang perwakilan sempat membahaskan Usul Ekonomi sebelum persidangan ditangguhkan sehingga esok.

-- BERNAMA

AM ROS